

Kesejahteraan Komuniti Madani: Isu dan Cabaran

Editor:

Norngainy Mohd Tawil¹, Noviatin Syarifuddin², Norulhuda Sarnon @
Kusenin³

Email:

norngainy@ukm.edu.my¹, noviatin@ukm.edu.my²,
norul@ukm.edu.my³

Abstrak: Berlatarkan konteks pembangunan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya, buku Kesejahteraan Komuniti Madani: Isu dan Cabaran merupakan sebuah karya suntingan yang mengetengahkan pelbagai dimensi kesejahteraan komuniti dari perspektif madani yang inklusif, progresif dan berteraskan nilai kemanusiaan. Dengan pendekatan holistik yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), buku ini menghimpunkan sebelas bab yang meneliti isu-isu semasa seperti kesejahteraan psikologi ibu tunggal, keselamatan penginapan pekerja, pembangunan sukan komuniti, pertanian lestari, keusahawanan Bumiputera, impak media sosial, pengurusan fasiliti pendidikan, undang-undang strata dan fenomena hakisan pantai. Kesemua bab ini membina naratif bersepadu tentang keperluan memperkasa komuniti secara berstruktur dan responsif terhadap cabaran lokal dan global. Disokong oleh dapatan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) yang menunjukkan peningkatan sederhana daripada 120.4 mata (2022) kepada 121.3 mata (2023), namun masih berdepan ketidakseimbangan kesejahteraan antara negeri dan sektor, penulisan ini turut didasari oleh realiti kependudukan Malaysia yang mencecah 33.2 juta orang pada tahun 2023, dengan lebih 77% tinggal di kawasan bandar. Perubahan demografi ini menuntut strategi pembangunan komuniti yang lebih lestari, inklusif dan berteraskan nilai madani. Maka, buku ini tampil sebagai wacana penting untuk menilai semula kerangka pembangunan negara, merapatkan jurang antara dasar dan pelaksanaan serta memperkukuh aspirasi Malaysia Madani ke arah pembinaan komuniti yang lebih sejahtera, berdaya tahan dan mampan.

Kata Kunci: Madani, ekonomi, pembangunan, komuniti.



KESEJAHTERAAN KOMUNITI MADANI!

: Isu dan Cabaran



Editor:
Norgainy Mohd Tawil
Noviatin Syarifuddin
Norulhuda Sarnon @ Kusenin


**Penerbit
UTM**

KESEJAHTERAAN **KOMUNITI MADANI** *: Isu dan Cabaran*

KESEJAHTERAAN **KOMUNITI MADANI** *: Isu dan Cabaran*

Editor:
Norngainy Mohd Tawil
Noviatin Syarifuddin
Norulhuda Sarnon @ Kusenin



©Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2025

Hak cipta terpelihara. Dilarang mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam sebarang bentuk elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau sebarang bentuk lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia adalah dilarang. Sebarang rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Penulis:

Norngainy Mohd Tawil, Noviatin Syarifuddin, Norulhuda Sarnon@Kusenin
Diterbitkan oleh:

Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor.

Tel: 07-453 8529/ 8698
Fax: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: pemasaran.uthm@gmail.com
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah ahli
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Dicetak oleh:

ATTIN PRESS SDN. BHD. (595562-M)
No. 8, Jalan Perindustrian PP4, Taman Perindustrian Putra Permai,
43300 Seri Kembangan, Selangor, Kuala Lumpur, Malaysia.
No. tel: +603-8939 0660
E-mel: attinpress@gmail.com



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-207-7



ISI KANDUNGAN

<i>Senarai Jadual</i>	<i>vii</i>
<i>Senarai Rajah</i>	<i>ix</i>
<i>Dedikasi</i>	<i>xi</i>
<i>Prakata</i>	<i>xiii</i>
BAB SATU: Pengenalan	1
BAB DUA: Keperluan Utama Kanak-Kanak Mangsa Penceraian Ibu Bapa Berpendapatan Rendah: Ke Arah Meningkatkan Kesejahteraan Psikologi Komuniti Ibu Tunggal	9
BAB TIGA: Pengenapan Buruh Berpusat: Ke Arah Kelestarian Komuniti Pekerja Pembinaan	27
BAB EMPAT: Pembangunan Kesejahteraan Komuniti Kawasan Perbandaran Melalui Strategi Pengurusan Sukan Bola Sepak	45
BAB LIMA: Aplikasi Model Pengetahuan, Sikap Dan Praktis (KAP) Dalam Komuniti Pekebun Kecil Koko (KPKK) Bagi Pengukuran <i>Malaysian Good Agricultural Practices</i> (MyGAP)	65
BAB ENAM: Faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Kerja Komuniti Pekebun Kecil Koko Sabah Yang Produktif (PKKMP)	83



BAB TUJUH:	103
Kompetensi Usahawan Bumiputera di Malaysia	
BAB LAPAN:	121
Magis Media Sosial Dalam Meningkatkan Ekonomi Komuniti	
BAB SEMBILAN:	143
Kos Pengurusan Fasiliti Komuniti Universiti Awam di Malaysia	
BAB SEPULUH:	161
Perundangan dan Peraturan dalam Pertikaian Kebocoran antara Tingkat di Kediaman Bertingkat	
BAB SEBELAS:	177
Fenomena Hakisan Pantai dan Isu di Daerah Batu Pahat	
BAB DUA BELAS: Penutup	221
 <i>Bibliografi</i>	229
<i>Biodata Pengarang</i>	257
<i>Indeks</i>	267



SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Keperluan Ruang Minima bagi Setiap Pekerja	30
Jadual 3.2	Senarai Kemudahan Asas dan Sokongan yang Perlu Disediakan bagi Penyediaan Penginapan Pekerja Berpusat	33
Jadual 3.3	Aspek Kawalan Kemudahan	35
Jadual 3.4	Aspek Kawalan Zon Penampakan	36
Jadual 6.1	Senarai Projek Pembangunan Komuniti Tanaman Koko Seliaan LKM	89
Jadual 6.2	Daerah mengikut Seliaan Pejabat Cawangan LKM dan Zon Kawasan	93
Jadual 9.1	Taburan Responden terhadap Kriteria Kos Pengurusan Fasiliti	152
Jadual 9.2	Nilai Pemberat bagi Kos-Kos Penggunaan Ruang	155
Jadual 9.3	Nilai Min dan Ranking	159
Jadual 10.1	Sistem Tribunal di Malaysia, Singapura dan Australia	174
Jadual 11.1	Tafsiran Zon Pantai	183
Jadual 11.2	Kategori Hakisan Pantai	196
Jadual 11.3	Kadar Hakisan Pantai di Zon Persisiran Pantai Seluruh Malaysia mengikut Kategori	198
Jadual 11.4	ISMP Seluruh Malaysia	203
Jadual 11.5	Anjakan Belakang Pembangunan	204
Jadual 11.6	Senarai Mukim dan Keluasan di Daerah Batu Pahat	210



SENARAI RAJAH

Rajah 3.1	Alternatif Penyediaan Penginapan Pekerja Berpusat	32
Rajah 3.2	Pembinaan Lestari	38
Rajah 4.1	Model Pelbagai Pusat Bandar dan Hubungannya dengan Kualiti Hidup Sosial	63
Rajah 4.2	Kerangka Konseptual	64
Rajah 5.1	Statistik Negara Pengeluar Koko Terbaik Dunia Tahun 2021	67
Rajah 5.2	Model <i>Knowledge-Attitude-Practice</i> (KAP) dalam MyGAP	70
Rajah 5.3	Pengetahuan KPKK tentang MyGAP	77
Rajah 5.4	Sikap KPKK tentang MyGAP	78
Rajah 5.5	Praktis KPKK dalam MyGAP	79
Rajah 6.1	Rangka Kajian	88
Rajah 6.2	Taburan Responden Kajian mengikut Zon Seliaan LKM di Negeri Sabah	95
Rajah 7.1	Kompetensi Usahawan Bumiputera PKMS di Malaysia	116
Rajah 9.1	Prosedur Pengauditan Ruang	148
Rajah 9.2	Perancangan Ruang sebagai Satu Cara Menguruskan Ruang dengan menggunakan Tiga Kaedah	151
Rajah 9.3	Min Persetujuan terhadap Kos Pengurusan Fasiliti	154
Rajah 9.4	Kos Penggunaan Ruang berdasarkan Nilai Pemberat	157
Rajah 10.1	Kategori Harta Tanah Kediaman	166
Rajah 10.2	Sistem Penyelesaian Pertikaian di Malaysia	172



Rajah 11.1	RT Kawasan Mukim Minyak Beku dan Mukim Kampung Bahru	179
Rajah 11.2	Kawasan Perairan Laut	180
Rajah 11.3	Lakaran Had Garis Pesisiran Pantai	183
Rajah 11.4	Kawasan Pesisiran Pantai Malaysia (RFZPPN, 2010)	184
Rajah 11.5	Situasi 1, Seksyen 49 KTN 1965 (Pekeliling KPUP 4/1995)	188
Rajah 11.6	Situasi 2, Seksyen 49 KTN 1965 (Pekeliling KPUP 4/1995)	189
Rajah 11.7	Situasi 3, Seksyen 49 KTN 1965 (Pekeliling KPUP 4/1995)	189
Rajah 11.8	Situasi 4, Seksyen 49 KTN 1965 (Pekeliling KPUP 4/1995)	190
Rajah 11.9	Situasi 5, Seksyen 49 KTN 1965 (Pekeliling KPUP 4/1995)	191
Rajah 11.10	Situasi 6, Seksyen 49 KTN 1965 (Pekeliling KPUP 4/1995)	191
Rajah 11.11	Situasi 1, Seksyen 353 KTN 1965 (Pekeliling KPUP 4/1995)	193
Rajah 11.12	Situasi 2, Seksyen 353 KTN 1965 (Pekeliling KPUP 4/1995)	194
Rajah 11.13	Situasi 3, Seksyen 353 KTN 1965 (Pekeliling KPUP 4/1995)	195
Rajah 11.14	Gambaran Kaedah Adaptasi terhadap Kenaikan Aras Laut dan Hakisan Pantai	199
Rajah 11.15	Contoh Pelaksanaan <i>Biomimicry</i>	201
Rajah 11.16	Kedudukan Kawasan Terlibat Hakisan Pantai di Daerah Batu Pahat	209
Rajah 11.17	Kedudukan Mukim di Seluruh Daerah Batu Pahat	211
Rajah 11.18	Contoh Isu Hakisan di Batu Pahat	215
Rajah 11.19	Kedudukan Sebahagian Harta Tanah yang Tenggelam/Hilang/Terhakis di Daerah Batu Pahat	217



DEDIKASI

Kesejahteraan merupakan komponen penting dalam pembangunan komuniti di Malaysia. Selaras dengan agenda pembangunan mampan atau *Sustainable Development Goals* (SDGs 2030), penulisan bab buku berhasrat mengetengahkan elemen kesejahteraan melalui SDG ke-11 iaitu Bandar dan Komuniti Mapan. Hasrat ini adalah sejajar juga dengan spektrum agenda kerajaan dalam pembangunan komuniti yang menekankan konsep madani sebagai tunjang kesejahteraan di Malaysia.

Madani merujuk kepada kesediaan menerima perubahan sebagai sebuah langkah reformasi bagi menangani isu dan cabaran dalam pembangunan komuniti di Malaysia. Konsep Madani di Malaysia mempunyai enam teras iaitu; kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Teras kesejahteraan diberikan fokus kepada penulisan bab-bab buku ini dengan hasratnya adalah untuk mencari titik kesejahteraan komuniti Madani di Malaysia dari segi kesejahteraan sosial, ekonomi dan persekitaran melalui pelbagai penemuan kajian. Oleh demikian, melalui fokus buku Kesejahteraan Komuniti Madani: Isu dan Cabaran sejumlah 10 bab buku berkaitan aspek sosial, ekonomi dan persekitaran telah melatarbelakangi intipati buku ini.

Penulisan bab buku ini menampilkan kepelbagaian isu kerana dilatarbelakangi oleh isu kesejahteraan melibatkan masalah penceraian ibu bapa, penginapan buruh, pengurusan sukan, pertanian komuniti, prestasi kerja, kompetensi usahawan, media sosial, fasiliti universiti awam, kebocoran rumah bertingkat dan hakisan pantai. Isu kesejahteraan membawa bersama-sama cabaran dalam kehidupan komuniti yang melibatkan kanak-kanak sebagai mangsa, buruh sebagai pekerja, komuniti kawasan perbandaran, pekebun kecil, usahawan, warga universiti dan penghuni kediaman bertingkat.



Penghasilan buku ini adalah hasil kerjasama, buah fikiran dan usaha daripada barisan penulis yang mempunyai latar belakang bidang kepakaran yang merentas disiplin. Namun, mempunyai idea tentang konsep umum tentang kesejahteraan sesebuah komuniti di Malaysia. Selaku pihak editorial, kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan penerbitan buku ini terutama barisan penulis yang bertungkus-lumus memastikan projek penerbitan buku berjalan lancar sehingga selesai.

Adalah diharapkan agar usaha merangkumkan pengalaman Malaysia dalam mendepani isu dan cabaran terkait dengan kesejahteraan komuniti boleh dimanfaatkan inputnya oleh golongan akademik, pelajar, orang awam dan pihak berkepentingan untuk memacu pembangunan komuniti. Input dalam buku ini boleh dijadikan sebagai panduan yang paling asas juga untuk merangka program pembangunan komuniti dan melakukan intervensi atau penambahbaikan bersesuaian dengan matlamat Malaysia Madani. Sungguhpun demikian, penulis tidak menafikan bahawa naskah ini bukanlah karya yang tiada kekurangan dan kelemahannya. Sebarang teguran dan penambahbaikan bagi meningkatkan mutu penulisan amatlah dialu-alukan dan dihargai oleh pihak editorial dan penyumbang bab buku.

Norngainy Mohd Tawil, PhD
Noviatin Syarifuddin, PhD
Norulhuda Sarnon@Kusenin, PhD



PRAKATA

Konsep kesejahteraan komuniti madani membawa pengertian luas dan mendalam dalam konteks kehidupan masyarakat di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik, agama, budaya, dan latar belakang sosioekonomi. Sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun, Malaysia berhadapan dengan pelbagai cabaran pembangunan dalam dimensi sosial, ekonomi, dan persekitaran yang memerlukan perhatian khusus dan pendekatan holistik. Menyedari kepentingan ini, buku suntingan bertajuk Kesejahteraan Komuniti Madani: Isu dan Cabaran diterbitkan dengan tujuan mengupas isu-isu penting serta menawarkan perspektif baharu dalam memahami aspek kesejahteraan komuniti yang pelbagai di Malaysia, merangkumi konteks Semenanjung Malaysia, Sabah, dan Sarawak serta kerelevannya dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Selaras dengan hasrat ini, laporan terkini Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan peningkatan sederhana sebanyak 0.7%, daripada 120.4 mata pada tahun 2022 kepada 121.3 mata pada tahun 2023, mencerminkan pencapaian dan cabaran dalam kesejahteraan ekonomi dan sosial rakyat. Walaupun terdapat peningkatan dalam komponen seperti pengangkutan dan kebudayaan, penurunan dalam aspek penting seperti alam sekitar dan keselamatan awam menunjukkan keperluan kepada pendekatan pembangunan yang lebih inklusif, lestari dan responsif terhadap keperluan setempat. Maka, penemuan ini mengukuhkan keperluan wacana seperti yang diuraikan dalam buku ini untuk menilai semula strategi pembangunan negara agar lebih sejajar dengan aspirasi komuniti madani dan pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Buku ini menghimpunkan sebelas bab yang memperincikan isu tersendiri, namun secara keseluruhannya menjurus kepada matlamat membina sebuah komuniti madani yang sejahtera dari pelbagai aspek. Bab kedua membincangkan kesejahteraan



psikologi komuniti ibu tunggal dan keperluan utama anak-anak daripada keluarga berpendapatan rendah, khususnya mangsa perceraian. Bab ini memperlihatkan betapa pentingnya peranan ibu tunggal dalam memastikan kesejahteraan pendidikan dan emosi anak-anak mereka, seiring dengan SDG 1 (Tiada Kemiskinan) dan SDG 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik). Seterusnya, bab ketiga memberi perhatian kepada isu keselamatan dan standard penginapan pekerja pembinaan di Malaysia. Bab ini mendedahkan situasi penginapan yang kurang memuaskan seperti "Rumah Kongsi," yang mencetuskan kebimbangan terhadap aspek keselamatan dan kesihatan awam, serta mengemukakan cadangan pematuhan kepada piawaian MS 2593:2015. Hal ini bertepatan dengan SDG 8 (Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi) dan SDG 11 (Bandar dan Komuniti yang Mampan).

Bab keempat pula meneroka potensi pembangunan sukan bola sepak dalam komuniti bandar sebagai medium meningkatkan kesejahteraan sosial. Penulis bab ini menyentuh teori-teori berkaitan pengurusan sukan, pembangunan komuniti, dan komuniti perbandaran, sekaligus memberikan gambaran jelas bagaimana sukan mampu menjadi instrumen positif dalam memperkasa komuniti bandar di seluruh Malaysia, khususnya dalam konteks SDG 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik) dan SDG 11 (Bandar dan Komuniti yang Mampan). Selanjutnya, bab kelima dan keenam membincangkan tentang pengaplikasian Malaysian Good Agricultural Practices (MyGAP) dalam kalangan komuniti pekebun kecil koko di Sabah. Kedua-dua bab ini menyorot tentang cabaran dan keperluan mempertingkatkan produktiviti koko serta memastikan kelestarian ekonomi komuniti pekebun kecil melalui amalan pertanian moden dan inovasi teknologi, berkaitan rapat dengan SDG 2 (Kelaparan Sifar) dan SDG 12 (Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab).

Bab ketujuh pula membicarakan tentang kompetensi usahawan Bumiputera, dengan fokus terhadap Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 yang bertujuan membina ekosistem keusahawanan kondusif dan inklusif. Kajian rintis dalam bab ini mengetengahkan kepentingan memperkasa pengetahuan usahawan melalui latihan strategik dan sokongan dasar kerajaan, menyumbang secara langsung kepada SDG 8 (Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan



Ekonomi) dan SDG 10 (Pengurangan Ketidaksamaan). Media sosial sebagai pemangkin pembangunan ekonomi komuniti dibincangkan dalam bab kelapan. Penulis merungkai bagaimana evolusi media sosial memberi impak positif dalam membuka peluang ekonomi baharu, khususnya kepada komuniti berpendapatan rendah, sekali gus meningkatkan taraf hidup mereka secara signifikan, seiring dengan SDG 9 (Industri, Inovasi dan Infrastruktur) dan SDG 8 (Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi). Bab kesembilan memberi tumpuan kepada pengurusan fasiliti universiti awam di Malaysia, menekankan pentingnya pengurusan ruang fizikal yang efektif untuk mengurangkan beban kewangan kerajaan. Ini penting dalam memastikan persekitaran pendidikan yang mampan, bersesuaian dengan SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) dan SDG 11 (Bandar dan Komuniti yang Mampan).

Seterusnya, bab kesepuluh pula membincangkan isu-isu berkaitan perundangan strata, khususnya dalam pertikaian kebocoran antara tingkat, yang merupakan antara aduan tertinggi di Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata. Isu ini menekankan keperluan pengurusan harta yang lebih berkesan dan sistematik, selaras dengan SDG 11 (Bandar dan Komuniti yang Mampan). Akhir sekali, bab kesebelas mengupas fenomena hakisan pantai yang memberi kesan besar terhadap komuniti pesisir pantai khususnya di Batu Pahat, Johor. Bab ini menggariskan cabaran serta mencadangkan langkah strategik bagi menangani isu ini yang semakin kritikal, dengan jelas berkaitan dengan SDG 13 (Tindakan Iklim) dan SDG 14 (Kehidupan Di Bawah Air).

Penerbitan buku ini tidak mungkin direalisasikan tanpa usaha gigih, komitmen tinggi, dan sumbangan bernilai daripada semua penulis yang terlibat. Setiap penulis telah tekun meneliti, mengkaji, dan menulis setiap bab dengan penuh dedikasi dan profesionalisme. Penghargaan juga ditujukan kepada pihak penerbit yang telah berusaha keras memastikan buku ini berjaya diterbitkan dalam bentuk yang berkualiti tinggi. Semoga buku ini menjadi rujukan penting kepada ahli akademik, pembuat dasar, pengamal pembangunan komuniti, serta pembaca umum yang berminat memahami secara mendalam tentang realiti cabaran serta strategi pembangunan komuniti yang inklusif, berdaya tahan, dan lestari di Malaysia. Kami mengalu-alukan sebarang maklum



balas konstruktif daripada pembaca bagi memperkaya wacana ini dan mempertingkatkan lagi usaha pembangunan komuniti madani pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih dan salam hormat daripada meja editor.



BAB SATU: PENGENALAN



Konsep kesejahteraan komuniti madani membawa pengertian yang luas dan pelbagai dalam spektrum kehidupan komuniti yang bermasyarakat. Apatah lagi landskap Malaysia yang dilatari oleh pelbagai etnik, ras, agama, kepercayaan dan identiti sosial serta politik. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, baik dari segi pembangunan sosial, ekonomi dan politik. Malaysia tidak terkecuali menerima pelbagai bentuk cabaran kesan daripada proses pembangunan yang berlangsung. Cabaran pembangunan sosial, ekonomi dan politik serta transformasi yang berlaku sedikit sebanyak memberi implikasi kepada kesejahteraan komuniti disekitarnya. Oleh yang demikian, buku *Kesejahteraan Komuniti Madani: Isu dan Cabaran*, merupakan salah satu keluaran buku yang berhasrat membicarakan perihal kesejahteraan sosial, ekonomi dan persekitaran yang dilatari oleh komuniti di Malaysia.


Bab Dua memerihai tentang keperluan utama kanak-kanak mangsa penceraian ibu bapa berpendapatan rendah ke arah meningkatkan kesejahteraan psikologi komuniti ibu tunggal. Ibu tunggal memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan pendidikan dan emosi anak-anak mereka selepas bercerai, walaupun berhadapan dengan pelbagai keperluan sama ada keperluan tangible atau intangible bagi anak-anak mereka. Keperluan utama kanak-kanak dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah daripada perspektif pekerja sosial yang boleh dibahagikan kepada dua jenis. Pertama ialah keperluan bersifat *tangible* seperti sumber makanan, tempat tinggal, pendidikan dan pembiayaan perubatan manakala



BAB DUA:

**KEPERLUAN UTAMA KANAK-KANAK MANGSA
PENCERAIAN IBU BAPA BERPENDAPATAN
RENDAH: KE ARAH MENINGKATKAN
KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI KOMUNITI IBU
TUNGGAL**

Norulhuda Sarnon@Kusenin
Nuraimirah Zainon
Nur Saadah Mohamad Aun



Pengenalan

Penceraian memberi gambaran runtuhnya sesebuah institusi kekeluargaan. Sehingga kini bilangan kes penceraian di Malaysia masih meningkat serta tidak menunjukkan pengurangan dalam masyarakat (Jones, 2021). Perceraian merupakan isu yang kompleks (Idham, 2022). Namun, di sesetengah negara, ia telah menjadi lebih diterima dan tidak lagi dianggap sebagai masalah besar akibat perubahan dalam undang-undang, evolusi norma budaya, serta perubahan sikap terhadap perkahwinan dan perhubungan. Sesetengah individu melihat perceraian sebagai cara yang diperlukan untuk menamatkan perkahwinan yang tidak bahagia atau tidak sihat, kerana ia membolehkan individu mengejar kebahagiaan dan kepuasan peribadi. Penceraian juga dianggap satu permulaan baru dan peluang untuk pertumbuhan dan penemuan diri.

Walau bagaimanapun, perceraian tetap memberi cabaran ke atas emosi dan kesan tersendiri terhadap wanita dan anak-anak yang terlibat, apalagi jika pasangan terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah. Keadaan ekonomi individu selepas perceraian adalah perkara utama yang menjadi isu kerana memberi kesan domain lain dalam perjalanan hidup seseorang dan terutamanya kesihatan dan kesejahteraan (Mortelmans, 2020). Lazimnya, wanita yang bercerai turut menghadapi beberapa masalah seperti masalah psikologikal, emosional dan personaliti seperti menghadapi tekanan yang tinggi disebabkan kehilangan,



BAB TIGA:

PENGINAPAN BURUH BERPUSAT: KE ARAH KELESTARIAN KOMUNITI PEKERJA PEMBINAAN

Zulkhairy Affandy Mohd Zaki
Norngainy Mohd Tawil



Pengenalan

Pekerja pembinaan adalah salah satu aset utama dalam industri pembinaan. Di Malaysia, ramai pekerja pembinaan ditempatkan di 'Rumah Kongsi' atau lot kedai dan keadaan kehidupan adalah sangat daif, berisiko tinggi dan tahap keselamatan rendah, wabak penyakit berjangkit yang berterusan, kekurangan dan kemudahan asas yang kurang memuaskan. Bagi memperbaiki keadaan kehidupan pekerja pembinaan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) telah memperkenalkan Kwarters Pekerja Berpusat (CLQ) pada Oktober 2017. Kwarters Pekerja Berpusat atau disingkatkan sebagai CLQ adalah salah satu kaedah terbaik untuk menempatkan pekerja di kawasan atau bangunan khusus (kekal/ separa kekal) dengan penyediaan pelbagai kemudahan asas dan sokongan untuk kesejahteraan pekerja. Pembangunan CLQ ini perlu dirancang secara sistematik untuk memastikan penyediaannya memenuhi keperluan pembeli dan selari dengan keadaan persekitaran. Penyediaan penginapan pekerja yang berkualiti dan selesa diketengahkan sebagai resolusi oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) di bawah Workers' Housing Recommendation, 1961 (No. 115) dan Malaysia adalah negara anggota ILO sejak 1957. Penyediaan penginapan pekerja yang kondusif juga selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) No. 8 Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi, di bawah Perkara 8.8:

BAB EMPAT:

PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI KAWASAN PERBANDARAN MELALUI STRATEGI PENGURUSAN SUKAN BOLA SEPAK

Mohd. Fairus Shafie
Norngainy Mohd Tawil
Noviatin Syarifuddin



Pengenalan

Komuniti asasnya merupakan sekumpulan individu yang berada dalam lingkungan geografi yang sama, mempunyai matlamat dan keperluan yang sama antara satu sama lain. Namun demikian, konsep komuniti kini tidak hanya termaktub kepada konteks geografi semata-mata. Erti kata lain, komuniti tidak semestinya mendiami atau bermastautin dalam wilayah yang sama. Melihat kepada takrif dan perkembangan definisi komuniti kini, individu atau kumpulan sosial yang mempunyai minat, identiti, kecenderungan, matlamat dan keperluan yang sama juga boleh membentuk sub kumpulan yang digelar komuniti. Oleh itu, penulisan bab ini memerihail komuniti kawasan perbandaran yang mempunyai minat dan kecenderungan yang sama, iaitu terlibat dalam sukan bola sepak. Kesejahteraan tidak lagi diukur semata-mata dari aspek peningkatan kualiti hidup semata-mata. Namun demikian, bab buku ini berhasrat mengetengahkan kesejahteraan komuniti kawasan perbandaran melalui strategi pengurusan sukan bola sepak. Huraian bab menyorot perkembangan sukan bola sepak di Malaysia. Seterusnya, memberi huraian umum perkaitan strategi pengurusan sukan bola sepak dengan aspek kesejahteraan komuniti kawasan perbandaran. Teori-teori yang mendasari kepada ruang lingkup perbincangan ini terdiri daripada Teori Pengurusan Sukan, Teori Pembangunan Komuniti dan Teori Komuniti Perbandaran. Sebagai satu usaha penyelidikan awal, dokumentasi bab ini juga

BAB LIMA:

**APLIKASI MODEL PENGETAHUAN, SIKAP DAN
PRAKTIS (KAP) DALAM KOMUNITI PEKEBUN KECIL
KOKO (KPKK) BAGI PENGUKURAN MALAYSIAN
GOOD AGRICULTURAL PRACTICES (MYGAP)**

Noviatin Syarifuddin
Asnarulkhadi Abu Samah
Nik Ahmad Suffian Burhan
Jasmin Arif Shah




Pengenalan

Pembangunan sektor pertanian merupakan strategi Lembaga Koko Malaysia (LKM) bagi membantu komuniti pekebun kecil koko (KPKK) menjana pendapatan dan membasmi kemiskinan. KPKK berhadapan dengan isu produktiviti koko dari segi kualiti dan kuantiti. Rentetan itu, LKM melaksana program peningkatan produktiviti koko dengan hasrat agar pematuhan amalan pertanian baik (MyGAP) boleh diterapkan dalam KPKK. Namun demikian, kesedaran komuniti menerima MyGAP yang dibawa oleh LKM masih kurang dalam kajian susastera. Sehubungan dengan itu, objektif kajian bertujuan mengenal pasti tahap pengetahuan, sikap dan praktis KPKK dalam konteks GAP. Kajian kuantitatif dengan pendekatan penyelidikan tinjauan dilaksanakan ke atas 195 orang KPKK. Borang soal selidik digunakan sebagai alat pengumpulan data. Teknik bancian digunakan ke atas taburan responden yang merangkumi daerah zon Pantai Timur Sabah. Landasan teoritikal kajian ialah Model KAP untuk mengukur tahap pengetahuan, sikap dan praktis responden terhadap APB. Kajian menunjukkan majoriti pekebun kecil merupakan generasi pertama penanam koko, berumur lingkungan 51 hingga 60 tahun dan berpengalaman 1 hingga 20 tahun dalam bidang pertanian. Tahap amalan pertanian baik (APB) menunjukkan nilai min tertinggi oleh praktis (min 4.20) dan diikuti dengan tahap sikap (min 4.08) kemudian tahap pengetahuan (min 4.01) oleh KPKK. Implikasi kajian menyumbang kepada pengkayaan ilmu pembangunan komuniti melalui pelaksanaan

BAB ENAM:

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PRESTASI KERJA KOMUNITI PEKEBUN KECIL KOKO SABAH YANG PRODUKTIF (PKKMP)

Winoryantie Sulaiman
Jasmin Arif Shah
Nur Bahiah Mohamad
Ramle Kasin
Nazmiah Mohd Duin



Pengenalan

Tanaman koko merupakan salah satu tanaman komoditi ketiga terpenting di Malaysia. Pada ketika ini, Malaysia merupakan negara pengisar ke dua terbesar di Asia selepas Indonesia manakala sumber bekalan biji koko kering untuk keperluan pengisaran negara adalah diperolehi dari negara Ivory Coast, Ghana dan Equador (ICCO, 2023). Sumber tersebut diperolehi dari negara luar kerana pengeluaran biji koko kering domestik tidak berjaya menampung keperluan ini. Bermula era 1990-an, Malaysia mengalami kemerosotan pengeluaran biji koko kering domestik ekoran penglibatan dari sektor estet dalam industri hulu. Hal ini menjadikan Malaysia bergantung hampir 95% kepada pekebun kecil koko untuk pengeluaran biji koko domestik. Selain itu, produktiviti koko pekebun kecil koko Malaysia, iaitu 0.11tan/ hektar/ tahun (MCB, 2019) dilaporkan sebagai punca kepada pengurangan jumlah pengeluaran biji koko negara. Kajian-kajian terdahulu menemui prestasi kerja ejen pengembangan mempengaruhi prestasi kerja petani (Kasin, et al., 2022; Olagunju, 2019; Motolani, 2017; Pakri, 2019; Nazatul, 2019). Prestasi kerja ejen pengembangan yang menyelia tanaman koko adalah pada tahap tinggi (Olagunju et al., 2022). Pada tahun 2023, purata produktiviti koko nasional yang dihasilkan oleh pekebun kecil koko adalah 0.158 tan/ hektar/ tahun, iaitu hanya 22.2% berbanding sasaran, iaitu 0.72 tan/ hektar/ tahun. Oleh yang demikian, bab ini akan mengupas apakah faktor utama yang sebenarnya menyumbang kepada prestasi kerja petani

BAB TUJUH:

KOMPETENSI USAHAWAN BUMIPUTERA DI MALAYSIA

Muhamad Hariff Ahamat
Norngainy Mohd Tawil
Roslan Ja'afar



Pengenalan

Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 bermatlamat mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif bagi menyokong agenda sosioekonomi yang inklusif, seimbang dan mampan. Namun demikian, isu kompetensi usahawan Bumiputera PKMS dalam sektor perniagaan masih belum dapat diselesaikan secara holistik. Sehubungan dengan itu, kajian rintis telah dilaksanakan bertujuan untuk menentukan tahap kompetensi usahawan bumiputera PKMS di Malaysia. Reka bentuk kajian kuantitatif dengan pendekatan kaedah tinjauan dilaksanakan ke atas usahawan bumiputera PKMS di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur. Instrumen kajian kompetensi yang dibentuk mempunyai kebolehpercayaan tinggi dengan nilai Cronbach's Alpha berjumlah 0.967. Teori RBV digunakan sebagai asas pembentukan instrumen kajian. Soal selidik diedarkan kepada responden secara bersemuka. Data kajian dianalisis secara deksriptif menggunakan perisian SPSS Versi 28.0. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden berusia lingkungan 31 hingga 40 tahun dengan pendapatan RM10,000 ke atas dan terlibat dalam sektor perniagaan. Tahap kompetensi usahawan dari segi kemahiran melalui dimensi pengurusan strategik menunjukkan nilai min tertinggi (4.41). Manakala, tahap kompetensi pengetahuan melalui dimensi berpandangan jauh dan sistem pemikiran memperlihatkan nilai min terendah (4.17). Data kajian memberi implikasi kepada kerajaan untuk merangka program latihan, seminar dan kursus bagi mempercepatkan pengetahuan usahawan bumiputera di Malaysia.

BAB LAPAN:

MAGIS MEDIA SOSIAL DALAM MENINGKATKAN EKONOMI KOMUNITI

Mastura Mustaffa
Norngainy Mohd Tawil
Doris Padmini S. Selvaratnam
Haryanti Mohd Affandi



Pengenalan

Perkembangan era digital masa kini telah menjadikan media sosial sebagai satu fenomena global yang mempengaruhi hampir setiap aspek kehidupan manusia. Media sosial kini menjadi sebahagian penting dalam kehidupan seharian, sama ada untuk berhubung dengan rakan-rakan mahupun mendapatkan maklumat terkini. Namun, peranan media sosial bukan sahaja terhad kepada interaksi sosial tetapi juga telah membuka pelbagai peluang ekonomi yang boleh dimanfaatkan oleh komuniti-komuniti di seluruh dunia.

Media sosial bermula pada akhir 1990-an dengan kemunculan platform seperti Six Degrees dan Friendster yang membolehkan pengguna membuat profil dan berhubung dengan rakan-rakan (Wulandari et al., 2021). Namun, revolusi sebenar bermula pada awal 2000-an dengan pelancaran MySpace dan kemudian Facebook. Revolusi tersebut menjadi platform utama untuk interaksi sosial dalam talian. Sejak itu, pelbagai platform lain seperti Twitter, Instagram dan TikTok telah muncul. Setiap media sosial ini membawa inovasi tersendiri. Platform ini bukan sahaja mempengaruhi cara kita berkomunikasi dan berkongsi maklumat malah turut mempelbagaikan pendekatan kita menjalankan perniagaan.

Komuniti yang kuat dan kukuh secara ekonomi adalah asas kepada pembangunan yang berterusan. Bagi komuniti berpendapatan rendah, peluang untuk meningkatkan pendapatan dan meningkatkan

BAB SEMBILAN:

KOS PENGURUSAN FASILITI KOMUNITI UNIVERSITI AWAM DI MALAYSIA

Nurfirdatul Ema Saaidin
Norngainy Mohd Tawil
Abdul Motalib Aman Shah



Pengenalan

Universiti merupakan institusi pengajian yang menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu ruang pengajaran dan pembelajaran merupakan sumber fizikal yang utama dan juga merupakan aset kepada sesebuah universiti awam di Malaysia. Ruang pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh warga kampus termasuk orang yang berkepentingan adalah merupakan tanggungjawab pihak universiti. Oleh yang demikian ruang pengajaran dan pembelajaran ini merupakan hak milik dan perlu diuruskan oleh pihak sesebuah universiti itu sendiri. Impak daripada pengurusan sumber fizikal di sesebuah universiti yang kurang baik akan memberikan kesan dari segi kelancaran kewangan.

Justeru itu, pengurusan pembelajaran adalah salah satu daripada pengurusan yang paling penting dalam pengurusan sumber-sumber fizikal di universiti awam. Pengurusan ruang di universiti merupakan proses kerjasama antara bahagian pentadbiran dan teknikal dalam mengoptimumkan nilai, fungsi dan kebolegunaan ruang sedia ada bagi meminimalkan keperluan ruang baru (JKR, 2018). Namun begitu, kepentingan kajian ke atas penggunaan ruang yang optimum serta impaknya dari sudut ekonomi masih belum dititikberatkan oleh sesetengah universiti awam. Jika ruangan ini tidak digunakan secara optimum, kesan buruknya adalah kepada kerajaan iaitu kerajaan akan mengalami kerugian besar. Seperti yang diketahui bahawa operasi universiti awam dan IPTA di Malaysia adalah ditanggung oleh Kementerian Pendidikan

BAB SEPULUH:

PERUNDANGAN DAN PERATURAN DALAM PERTIKAIAN KEBOCORAN ANTARA TINGKAT DI KEDIAMAN BERTINGKAT

Siti Rosemawar Mohd Sahi
Norngainy Mohd Tawil



Pengenalan

Majoriti penduduk kini tinggal di kawasan bandar, memilih kediaman bertingkat seperti apartment dan kondominium sebagai tempat tinggal. Mendiami kediaman bertingkat mempunyai beberapa tanggungjawab yang perlu dipikul oleh pemilik dan penghuninya iaitu kewajipan membayar caj penyenggaraan, mematuhi undang-undang kecil, berkongsi harta bersama dan membuat keputusan bersama dalam pengurusan dan penyenggaraan. Keperluan untuk menguruskan sendiri satu skim kediaman strata ini merupakan cabaran besar dari segi membuat keputusan bersama, menjalankan penguatkuasaan, menuntut caj penyenggaraan dan akhirnya wujud pertikaian. Antara pertikaian yang sering berlaku ialah tunggakan caj penyenggaraan, masalah tempat letak kereta, binatang peliharaan, kacau ganggu bunyi bising dan kebocoran antara tingkat. Selain masalah tunggakan caj penyenggaraan, pertikaian Kebocoran Antara Tingkat (KAT) dalam kalangan penghuni rumah bertingkat merupakan suatu isu semasa yang membelenggu komuniti strata di Malaysia dan merupakan antara aduan tertinggi yang diterima di Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS). Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 (PPP 2015) di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) telah dilengkapi dengan peraturan dan prosedur standard serta dengan kewujudan Tribunal Pengurusan Strata telah disediakan, namun isu ini masih belum menemui jalan penyelesaian yang jitu kerana jumlah aduan mengenai KAT semakin meningkat setiap tahun.

BAB SEBELAS:

FENOMENA HAKISAN PANTAI DAN ISU DI DAERAH BATU PAHAT

Masfaliza Mohsen
Norngainy Mohd Tawil
Khairul Nizam Abdul Maulud



Pengenalan

Hakisan pantai merupakan masalah global menjejaskan hampir setiap negara disebabkan oleh gabungan faktor semula jadi dan manusia. Seluruh dunia seringkali diuji dengan pelbagai fenomena tidak terjangka akibat bencana alam khususnya di sepanjang persisiran pantai seperti banjir, hakisan pantai, tsunami dan kenaikan aras laut. Bencana alam yang tidak terjangka seperti ini akan mengakibatkan kerugian harta, kehilangan kehidupan yang selesa dan kehilangan nyawa dalam sekelip mata, sekaligus menjejaskan kualiti sosioekonomi mangsa yang terlibat. Masalah hakisan pantai semakin kritikal memandangkan garis pantai merupakan kawasan tumpuan manusia menjalankan pelbagai aktiviti dan aktiviti pembangunan tidak produktif. Penempatan penduduk juga musnah sepenuhnya ditelan laut dan terpaksa berpindah ekoran hakisan teruk di pelbagai negara. Dapatan kajian terdahulu menunjukkan kesan langsung akibat hakisan pantai antaranya kehilangan harta fizikal, kehilangan identiti dan habitat pantai, infrastruktur (utiliti dan pengangkutan), pertanian dan akuakultur serta kehilangan tarikan pelancongan dan rekreasi.

Malaysia mempunyai keluasan tanah 329,758 km² dan zon pantai yang melintang 4,809 kilometer dan hakisan telah melebihi 30% daripada panjang pantai (Ahmed et al. 2021; Mohd et al. 2019; Mohd, Maulud, et al. 2018). Kajian Ehsan et al., (2019) menyatakan bahawa Pantai Selangor dan Batu Pahat mengalami hakisan pantai yang teruk dengan merekodkan jumlah kawasan terhakis

BAB DUA BELAS: PENUTUP



Kesejahteraan komuniti merupakan komponen yang signifikan dalam kelestarian masyarakat yang di dalamnya mempunyai 17 strategi Agenda Pembangunan Mampan (SGDs). Melalui pemerihalan berkaitan dengan kesejahteraan komuniti madani dalam konteks isu dan cabaran, didapati bahawa tema yang diutarakan oleh bab-bab buku ini berupaya merungkai permasalahan yang melibatkan kesejahteraan komuniti. Kesejahteraan adalah aspek yang mustahak kepada komuniti kerana komuniti merupakan masyarakat yang menerima manfaat (beneficiaris) daripada pembangunan negara sama ada berimpak positif atau negatif. Ini bersesuaian dengan konsep komuniti MADANI yang diketengahkan oleh kerajaan. Iaitu, MADANI merupakan sintesis gaya Malaysia, yang menggabung jalin amalan sedia ada dengan kaedah baru yang direka untuk menangani isu-isu baru dan ketidakpastian. Frasa komuniti MADANI amat penting untuk difahami secara konseptual dan praktikalnya kerana inilah yang mencerminkan pembangunan komuniti di Malaysia dan seterusnya gambaran kepada rantau Asia Tenggara. Melalui proses pembangunan negara, komuniti akan berhadapan dengan pelbagai cabaran ketidakpastian ekonomi, sosial dan persekitaran komuniti yang kian mencabar.

Perbincangan tentang Bab Dua merumuskan bahawa wujud beberapa keperluan utama melibatkan kanak-kanak mangsa penceraihan ibu bapa berpendapatan rendah. Dalam konteks ini, penemuan kajian mendedahkan bahawa ibu tunggal harus menjadi suri teladan atau contoh daya tahan dan keyakinan, dengan

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman, A. F., Taat, M. S., Nordin, H., & Lada, S. 2021. Hubungan Perkhidmatan Sukan dengan Kepuasan Atlet Universiti Awam Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(6), 138–146.
- Abdullah, N. (2019). Koko tanaman komoditi berpotensi besar. 18 September 2019. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2019/07/586626/koko-tanaman-komoditi-berpotensi-besar>. (Diakses pada 19 Januari 2021).
- Abu Samah, A.S. (2021). Pendayaupayaan melalui pembangunan komuniti: Satu Refleksi. Syarahan Inagural. 12 November 2021. Dewan Seminar Al-Farabi, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia. ISBN 978-967-2989-64-4.
- Aftab, J., Veneziani, M., Sarwar, H., & Ishaq, M. I. (2022). Entrepreneurial orientation, entrepreneurial competencies, innovation, and performances in SMEs of Pakistan: Moderating role of social ties. *Business Ethics, the Environment & Responsibility*, 31(2), 419-437.
- Agatha F. Umbit & Muhamad Suhaimi Taat. 2016. Faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar di institut. *Jurnal Penyelidikan IPGK*. 13:1-14.
- Ahmad, H., Abdul Maulud, K.N., A. Karim, O. & Mohd, F.A. 2021. Assessment of erosion and hazard in the coastal areas of Selangor. *Malaysian Journal of Society and Space* 17(1) <https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/39459>.
- Ahmed, N., Howlader, N., Hoque, M.A.A. & Pradhan, B. 2021. Coastal erosion vulnerability assessment along the eastern coast of Bangladesh using geospatial techniques. *Ocean and Coastal Management* 199

- Aidoo, R., & Fromm, I. (2015). Willingness To Adopt Certifications and Sustainable Production Methods Among Small-Scale Cocoa Farmers in The Ashanti Region of Ghana. *Journal Of Sustainable Development*, Vol .8(1):33-43.
- Aikins, I. (2014). The effect of access to and use of agricultural information on the livelihood of cocoa farmers. Doctoral Dissertation. University of Ghana.
- AJ Marketing. (2024). *Top 7 Marketing Success Stories in Malaysia*. <https://www.ajmarketing.io/post/top-7-marketing-success-stories-malaysia>
- Akademi Tunas Putrajaya. 2023. Akademi Tunas Putrajaya, Kuala Lumpur + Putrajaya. <https://nfdp.sporteqa.com/player/index.php?plid=21>
- Alfitri, N. A., Ishak, S., Omar, A. R. C., & Manaf, A. A. (2023). Relationship Between Personal Entrepreneurial Competencies, Individual Entrepreneurial Orientation and the Youth Business Performance. *e-BANGI Journal*, 20(2): 115-126. DOI: <https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2002.11>
- Amaran, M. A., & Hamzah, M. S. (2021). Factors of Involvement, Characteristics, Challenges among Graduates Entrepreneur in the field of Entrepreneurship. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 207-216. DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i10.1091>.
- Amat, M. and Ishak, S. (2020) Knowledge, Attitude and Awareness Driven Micro Entrepreneurs Packaging Innovation Behavior. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(5), pp. 1 - 11. doi: 10.47405/mjssh.v5i5.418.
- Amri Mohd, F., Nizam Abdul Maulud, K., Karim Jabatan Kejuruteraan Awam dan Struktur, O.A., Kejuruteraan dan Alam Bina, F., Afiq Ibrahim, M., Anak Benson, Y., Kejuruteraan Pantai dan Lautan, P. & Khairi Abd Wahab Pusat Kejuruteraan Pantai dan Lautan, A. 2018. Integrasi Kaedah Geospatial dan Pemodelan Hidrodinamik untuk Mengkaji Impak Kenaikan Aras Laut Terhadap Kawasan Pantai (Integration of Geospatial Method and Hydrodynamic Modelling to



Study the Impact of Sea Level Rise on the Coastal Area).
Jurnal Kejuruteraan 30(1): 65–75. <https://doi.org/10.17576/jkukm-2018-30>.

Amuda, Y. J. (2020). Cocoa Plantation among Smallholder Farmers: Towards Mitigating Socio-Economic Effects of COVID-19 in Nigeria. *Journal of Southwest Jiaotong University*, Vol. 55(4): 1-12. doi: 10.35741/issn.0258-2724.55.4.56.

Arshad, M. F. (2019). Realiti pemisahan komoditi industri, makanan. *Berita Harian*. 17 March 2019. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2019/03/542187/realiti-pemisahan-komoditi-industri-makanan>. (Diakses pada 30 Mei 2022).

Arshad, M. F. (2020). Sektor pertanian perlu hala tuju baharu. 20 Januari 2020. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/01/648289/sektorpertanian-perlu-hala-tuju-baharu>. (Diakses pada 30 Mei 2022).

ASEAN GAP. (2018). Good Agricultural Practices for the production of good quality cacao beans in the ASEAN Region. ASEAN Cocoa Club Technical Working Group on Good Agricultural Practices (ACC TWGGAP). Adopted at the 40th AMAF Meeting, 11 October 2018, Ha Noi, Vietnam.

Ataei, P., Karimi, H., Ghadermarzi, H., & Norouzi, A. (2020). A conceptual model of entrepreneurial competencies and their impacts on rural youth's intention to launch smes. *Journal of Rural Studies*, 75, 185-195.

Auersperg F, Vlasak T, Ponocny I, Barth (2019). A. Long-term effects of parental divorce on mental health - A meta-analysis. *Journal of Psychiatric Research* 2019, 119:107-115, doi: 10.1016/j.jpsychires.2019.09.011

Awang, N.A.& A.H.M.R. 2013. Sea level rise in Malaysia. Hydrolink. Internatioanl Association of Hydraulic Research.

Awotide, B. A., Chagomoka, T., Sobgui, C. M., Bihon, W., Afari-Sefa, V., Tenkouano, A., Ndiaye, K., & Diouf, O. (2019). Impact of best practice hubs (BPHs) and vegetable technology immersion cluster (VTICs) on vegetable

KESEJAHTERAAN KOMUNITI MADANI : Isu dan Cabaran

Berlatarkan konteks pembangunan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya, buku Kesejahteraan Komuniti Madani: Isu dan Cabaran merupakan sebuah karya suntingan yang mengetengahkan pelbagai dimensi kesejahteraan komuniti dari perspektif madani yang inklusif, progresif dan berteraskan nilai kemanusiaan. Dengan pendekatan holistik yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), buku ini menghimpunkan sebelas bab yang meneliti isu-isu semasa seperti kesejahteraan psikologi ibu tunggal, keselamatan penginapan pekerja, pembangunan sukan komuniti, pertanian lestari, keusahawanan Bumiputera, impak media sosial, pengurusan fasiliti pendidikan, undang-undang strata dan fenomena hakisan pantai. Kesemua bab ini membina naratif bersepadu tentang keperluan memperkasa komuniti secara berstruktur dan responsif terhadap cabaran lokal dan global. Disokong oleh dapatan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) yang menunjukkan peningkatan sederhana daripada 120.4 mata (2022) kepada 121.3 mata (2023), namun masih berdepan ketidakseimbangan kesejahteraan antara negeri dan sektor, penulisan ini turut didasari oleh realiti kependudukan Malaysia yang mencecah 33.2 juta orang pada tahun 2023, dengan lebih 77% tinggal di kawasan bandar. Perubahan demografi ini menuntut strategi pembangunan komuniti yang lebih lestari, inklusif dan berteraskan nilai madani. Maka, buku ini tampil sebagai wacana penting untuk menilai semula kerangka pembangunan negara, merapatkan jurang antara dasar dan pelaksanaan serta memperkukuh aspirasi Malaysia Madani ke arah pembinaan komuniti yang lebih sejahtera, berdaya tahan dan mampan.



ISBN 978-629-490-207-7



9 786294 902077

**PENERBIT
UTHM**

